

63 - Bab Tidak (Perlu) Berwudhu' Kerana Kucupan.⁷⁵⁴

⁷⁵¹ Hadits Abu Umamah diriwayatkan oleh Ibnu Majah. Di dalam sanadnya ada Ja'far bin az-Zubair, seorang perawi matrūk dan al-Qāsim, seorang perawi dha'if. Hafiz az-Zaila'i berkata, "Ia adalah hadits dha'if. Bukhari, Nasā'i dan Daaraquthni berkata, Ja'far bin az-Zubair adalah perawi matrūk dan al-Qāsim pula seorang perawi dha'if." Dalam bab ini juga ada riwayat daripada 'Ishmah bin Malik. Kata az-Zaila'i, haditsnya juga dha'if.

⁷⁵² Abu Daud, an-Nasā'i, Ibnu Majah dan lain-lain juga meriwayatkannya. Ibnu Hibbaan, at-Thabaraani dan Ibnu Hāzam mengatakan ia sahih. 'Ali bin al-Madīni berkata, "Hadits Thalq ini lebih elok daripada hadits Busrah." Sementara asy-Syafi'e, Abu Haatim, Abu Zur'ah, ad-Daaraquthni, al-Baihaqi dan Ibnu al-Jauzi pula mengatakan ia dha'if. Ibnu Hibbaan, at-Thabaraani, Ibnu al-'Arabi, al-Hāzimi dan lain-lain pula berpendapat hadits ini telah dimansuhkan dengan hadits Busrah.

⁷⁵³ Muhammad bin Jabir dikatakan dha'if oleh Ibnu Ma'in. Al-Fallās pula berkata, ia perawi shadūq, matrūkul ḥadīth.

⁷⁵⁴ Menyentuh wanita (sama ada isteri atau bukan isteri), adakah membatalkan wudhu' atau tidak merupakan salah satu masalah khilafiah semenjak zaman sahabat dan para imam mujtahidin di permulaan sejarah Islam lagi. Ada yang berpendapat ia membatalkan secara mutlaq dan ada yang berpendapat ia tidak membatalkan secara

mutlaq. Terdapat juga para 'ulama' yang berpendapat ia membatalkan dengan syarat-syarat tertentu.

Tajuk bab ke-63 ini sebenarnya diadakan oleh Imam Tirmidzi untuk berbicara tentang masalah ini. Tetapi lafaz tajuk babnya bukan *باب ما جاء في ترك الوضوء من من المرأة* (63 - Bab Tidak Perlu Berwudhu' Kerana Menyentuh Wanita atau isteri), sebaliknya ia bertajuk *باب ما جاء في ترك الوضوء من القبلة* (63 - Bab Tidak (Perlu) Berwudhu' Kerana Mengucup wanita atau isteri).

Menurut para pensyarah kitab Sunan at-Tirmidzi, ada tiga sebab mengapa imam Tirmidzi tidak membuat tajuk bab dengan terang berkenaan dengan hukum menyentuh wanita secara umum, sama ada dengan menciumnya atau dengan menyentuh mana-mana bahagian anggotanya:

(1) Untuk meraikan lafaz hadits yang dikemukakan di bawah tajuk bab ini, iaitu hadits ke-86. Di dalamnya tersebut *أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبَّلَ بَعْضَ نِسَائِهِ* (Bahawa Nabi s.a.w. pernah mencium atau mengucup salah seorang isterinya). Tidak tersebut di dalamnya bahawa Nabi s.a.w. pernah menyentuh salah seorang isterinya. Dengan menggunakan lafaz *القبلة* bukan *المس* dalam tajuk bab ini bererti imam Tirmidzi telah mengguna pakai qaedah: *ذكر الخاص والمراد به العام* (menyebut lafaz khas tetapi yang dimaksudkan sebenarnya ialah erti umumnya). Walaupun lafaz yang disebutkan ialah mengucup atau mencium, tetapi yang dimaksudkan ialah menyentuh secara umum.

(2) Walaupun imam Tirmidzi sebenarnya hendak berkata, seseorang yang telah berwudhu' perlu berwudhu' kembali apabila ia menyentuh isterinya, kerana wudhu' sebahumnya telah pun terbatal kerananya, tetapi beliau tidak dapat membuat tajuk bab seperti itu lantaran tidak ada satu pun hadits yang dengan jelas menyebut begitu, sama ada hadits sahih atau dha'if. Apa yang ada dalam hadits ialah sebaliknya, iaitu tidak perlu berwudhu' meskipun telah mengucup isteri.

Apa yang dilakukan oleh Tirmidzi ialah setelah mengemukakan hadits bab ini beliau mendahaifkannya, selain menyatakan sebab-sebab kedha'ifannya dan pandangan tokoh-tokoh besar hadits mengenainya. Oleh kerana hadits itu dha'if, maka tidak boleh lagi ia dijadikan hujah. Tidak boleh lagi berdalil dengannya tentang tidak terbatalnya wudhu' seseorang yang bersentuhan dengan isterinya. Apalagi dengan wanita-wanita lain yang bukan mahram.

Apabila hadits itu tidak layak dijadikan dalil, maka dilihat pula dalil-dalil yang menyalahinya. Ternyata memang ada beberapa dalil yang menunjukkan wudhu' terbatal kerana menyentuh wanita.

Poin kedua ini bagaimanapun meragukan, kerana kalau memang ada dalilnya, kenapa ia tidak dikemukakan oleh Tirmidzi?

Kenapa imam Tirmidzi tidak mengadakan saja dua bab seperti pada tempat-tempat yang lain? Satunya bab yang mengandungi hadits yang dijadikan pegangan oleh pihak yang berpendapat bersentuhan antara lelaki dan wanita membatalkan wudhu', dan satu lagi bab yang mengandungi hadits yang dijadikan pegangan oleh pihak yang berpendapat bersentuhan antara lelaki dan wanita tidak membatalkan wudhu', seperti hadits ke-86 di atas.

٨٦- حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ وَهْنَادٌ وَأَبُو كُرَيْبٍ وَأَحْمَدُ بْنُ مَنِيعٍ وَمُحَمَّدُ بْنُ غَيْلَانَ وَأَبُو عَمَّارٍ الْحُسَيْنُ بْنُ حُرَيْثٍ قَالُوا حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ حَبِيبِ بْنِ أَبِي ثَابِتٍ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبَّلَ بَعْضَ نِسَائِهِ ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ وَلَمْ يَتَوَضَّأْ قَالَ قُلْتُ مَنْ هِيَ إِلَّا أَنْتِ قَالَ فَصَحِجْتُ.

86 – Qutaibah, Hannad, Abu Kuraib, Ahmad bin Manī', Mahmud bin Ghailan dan Abu 'Ammaar al-Husain bin Huraitis meriwayatkan kepada kami, kata mereka: Wakī' meriwayatkan kepada kami daripada al-A'masy daripada Habib bin Abi Tsabit daripada 'Urwah⁷⁵⁵ daripada 'Aaishah, kata beliau: "Bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w. pernah mencium (mengucup) salah seorang

(3) Imam Tirmidzi sememangnya bersetuju dengan pandangan para 'ulama' yang mengatakan semata-mata bersentuhan tidaklah membatalkan wudhu', tetapi yang membatalkan wudhu' hanyalah bersentuhan dengan adanya nafsu atau keinginan syahwat.

Hadits ke-86 di bawah bab ini pula menunjukkan bersentuhan secara mutlaq tidak membatalkan wudhu'. Kalau dengan mengucup isteri pun tidak terbatal wudhu', padahal perbuatan itu lebih dekat dan lebih munasabah menimbulkan nafsu syahwat, lebih-lebih lagi tidak membatalkan wudhu' bersentuhan tanpa ada apa-apa perasaan seperti itu.

Cuma haditsnya tidak sahih, maka tidak boleh lagi ia dijadikan dalil bagi tidak membatalkan wudhu' secara mutlaq.

⁷⁵⁵ Demikianlah 'Urwah disebutkan di sini tanpa dibinkan kepada sesiapa. Pengarang Tuhfatul Ahwadzi (Syarah Sunan at-Tirmidzi) menulis, "Kata hafiz az-Zaila'i, "Tirmidzi langsung tidak mengaitkan 'Urwah di dalam sanad hadits ini dengan sesiapa pun. Ibnu Majah pula mengaitkannya (membinkannya) dengan az-Zubair. Beliau meriwayatkannya begini:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ ثنا وَكِيعٌ ثنا الْأَعْمَشُ عَنْ حَبِيبِ بْنِ أَبِي ثَابِتٍ عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ عَنْ عَائِشَةَ قَدْ كَرَهُ
Demikian juga ia diriwayatkan oleh ad-Daaraquthni. Perawi sanad ini semuanya tsiqat (kuat dan boleh dipercayai)."

Begitu juga kata Hafizh Ibnu Hajar, bahawa soalan yang terdapat di dalam riwayat Abu Daud jelas menunjukkan 'Urwah itu ialah 'Urwah bin az-Zubair. Kerana 'Urwah al-Muzani tidak akan berani berkata begitu kepada 'Aaishah.

Soalan (kata-kata) 'Urwah yang dikatakan oleh Hafizh Ibnu Hajar bahawa ia terdapat di dalam riwayat Sunan Abi Daud itu ialah: مَنْ هِيَ إِلَّا أَنْتِ (Siapa lagi isteri Nabi s.a.w. itu kalau bukan mak cik!). Kata-kata 'Urwah ini bukan sahaja terdapat di dalam riwayat Abi Daud, malah ia juga terdapat di dalam riwayat 'Aaishah yang dikemukakan oleh Tirmidzi di atas.

Sebenarnya bukan Ibnu Majah dan ad-Daaraquthni sahaja membinkan 'Urwah kepada az-Zubair di dalam sanad hadits ini, imam Ahmad di dalam Musnadnya juga membinkan 'Urwah kepada az-Zubair.

isterinya,⁷⁵⁶ setelah itu Baginda keluar bershalat (di masjid) dengan tidak berwudhu' lagi."⁷⁵⁷ Kata 'Urwah, aku pun berkata kepadanya: "Siapa lagi isteri Nabi s.a.w. itu kalau bukan engkau (mak cik)!" 'Urwah berkata, "Maka beliau ('Aaishah) tertawa."⁷⁵⁸

قَالَ أَبُو عِيسَى وَقَدْ رَوَى نَحْنُ هَذَا عَنْ غَيْرِ وَاحِدٍ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالتَّابِعِينَ وَهُوَ قَوْلُ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ وَأَهْلِ الْكُوفَةِ قَالُوا لَيْسَ فِي الْقُبْلَةِ وَضُوءٌ وَقَالَ مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ وَالْأَوْزَاعِيُّ وَالشَّافِعِيُّ وَأَحْمَدُ وَإِسْحَاقُ فِي الْقُبْلَةِ وَضُوءٌ وَهُوَ قَوْلُ غَيْرِ وَاحِدٍ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالتَّابِعِينَ.

Abu 'Isa berkata: "Hadits yang sama ma'nanya dengan hadits ini telah diriwayatkan daripada ramai ahli ilmu dari kalangan sahabat Nabi s.a.w. dan tabi'in. Itulah pendapat Sufyan ats-Tsauri dan ulama Kufah. Kata mereka, "Tidak perlu berwudhu' kerana mencium."⁷⁵⁹ Malik bin Anas, Al-Auza'i, Syafi'e, Ahmad, dan Ishaq pula berpendapat perlu berwudhu' kerana mencium. Ini juga merupakan pendapat ramai ahli ilmu dari kalangan sahabat Nabi s.a.w. dan tabi'in.⁷⁶⁰

⁷⁵⁶ Iaitu beliau sendiri berdasarkan riwayat ad-Daraquthni yang menyebutnya dengan jelas:

لَقَدْ كَانَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقْبَلُنِي إِذَا خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ وَمَا يَتَوَضَّأُ

Bermaksud: Sesungguhnya Nabi s.a.w. selalu mengucupku ketika keluar untuk pergi bershalat (di masjid), dan beliau s.a.w. tidak berwudhu' lagi.

⁷⁵⁷ Maksudnya ialah Baginda s.a.w. bershalat dengan wudhu' yang telah sedia ada, bukan dengan berwudhu' semula kerana telah mengucupnya. Ertinya ialah wudhu' yang sedia ada itu tidak terbatal dengan sebab menyentuh wanita. Apa yang tersebut di dalam hadits ke-86 ini bukan sekadar menyentuh biasa, malah mengucup. Kesimpulannya ialah wudhu' tidak terbatal dengan menyentuh wanita dengan apa cara sekalipun.

⁷⁵⁸ Tertawanya 'Aaishah apabila dikatakan oleh 'Urwah begitu lebih menunjukkan lagi bahawa 'Urwah itu adalah 'Urwah bin az-Zubair, anak saudara 'Aaishah sendiri, bukan 'Urwah lain yang bukan mahram beliau.

⁷⁵⁹ 'Ali, Ibnu 'Abbaas, 'Athā', Thāwūs, Abu Hanifah dan anak-anak bualnya seperti Abu Yusuf, Muhammad bin al-Ḥasan asy-Syaibāni dan lain-lain juga adalah antara tokoh yang berpendapat demikian.

⁷⁶⁰ Antara mereka yang berpendapat begini juga ialah Saiyyidina 'Umar, Ibnu Mas'ud, Ibnu 'Umar, az-Zuhri dan lain-lain lagi.

Pada perenggan ini Imam Tirmidzi mula berbicara tentang khilaf para 'ulama' dalam masalah bersentuhan antara lelaki dan wanita, adakah ia membatalkan wudhu' atau tidak. Khilaf ini telah bermula semenjak zaman sahabat dan tabi'in lagi. Para imam mujtahidin juga berbeda pandangan tentangnya.

Sebenarnya terdapat perincian mazhab berhubung dengan perkara ini. Berikut dikemukakan beberapa perincian mazhab mengenainya:

(1) Bersentuhan antara lelaki dan wanita langsung tidak membatalkan wudhu', sama ada yang menyentuh atau yang disentuh, dengan sengaja atau tidak, mahram atau bukan mahram, kanak-kanak atau orang dewasa dan dengan ada syahwat atau tiada. Antara yang berpendapat demikian ialah 'Ali, Ibnu 'Abbaas, 'Athā', Thāwūs, Masruq, Sufyan ats-Tsauri dan Abu Hanifah.

(2) Membatalkan jika bersentuhan tanpa berlapik. Inilah pendapat Saiyyidina 'Umar, Ibnu Mas'ud, Ibnu 'Umar, Zaid bin Aslam, Makhūl, Sya'bi, Nakha'i, 'Athā' bin as-Sā'ib, az-Zuhri, Yahya bin Sa'id al-Anshāri, Rabī'ah, Sa'id bin 'Abdīl 'Aziz dan asy-Syafi'e. Ini juga salah satu pendapat yang dinukilkan daripada al-Auzā'i.

(3) Bersentuhan jika dengan ada syahwat membatalkan, jika tidak, maka tidak membatalkan. Inilah pendapat yang diriwayatkan daripada al-Hakam, Hammād, Malik dan al-Laits. Ia juga diriwayatkan daripada Ishaq, Sya'bi, Nakha'i, Rabī'ah dan ats-Tsauri.

Menurut pengarang Ithāf at-Thālibi al-Aḥwadzi Bi Syarḥ Jāmi' at-Tirmidzi (Asy-Syeikh Muhammad), inilah pendapat pilihan Imam Tirmidzi. Alasan beliau ialah Imam Tirmidzi membuat tajuk bab ke-63 ini dengan menulis: *باب ما جاء في ترك الوضوء من القبلة*. Imam Tirmidzi langsung tidak membuat satu pun tajuk bab yang menyatakan keperluan berwudhu' kerana bersentuhan antara lelaki dan wanita. Ia jelas menunjukkan kecenderungannya kepada mazhab yang ketiga ini.

Terdapat tiga riwayat daripada Imam Ahmad dalam masalah ini. Setiap satu daripadanya menyokong tiga mazhab yang tersebut di atas.

(4) Menyentuh dengan sengaja membatalkan wudhu'. Dengan tidak sengaja pula tidak membatalkan. Inilah mazhab Daud az-Zhāhiri.

(5) Menyentuh dengan mana-mana anggota wudhu' sahaja membatalkan. Tidak dengan anggota wudhu' pula tidak membatalkan. Inilah pendapat yang dinukilkan oleh pengarang al-Hāwi daripada al-Auzā'i. Dinukilkan juga daripada al-Auzā'i bahawa menyentuh dengan tangan sahaja membatalkan wudhu'.

(6) Menyentuh dengan ada syahwat membatalkan wudhu', walaupun dengan berlapik dengan kain yang nipis. Ini merupakan salah satu pendapat yang dinukilkan daripada Rabī'ah dan Malik.

(7) Menyentuh bukan mahram tidak membatalkan. Menyentuh mahram pula membatalkan. Inilah pendapat yang dinukilkan oleh Ibnu al-Mundzir dan pengarang al-Hāwi daripada 'Athā'. Pendapat 'Athā' ini berbeza daripada apa yang dinukilkan oleh jumhur 'ulama' daripadanya. Imam an-Nawawi berpendapat, tidak sahih nukilan ini daripada beliau.

Hujah-hujah golongan pertama:

Golongan pertama yang mengatakan bersentuhan antara lelaki dan wanita tidak membatalkan wudhu' sama sekali dengan apa cara sekalipun berhujah dengan beberapa dalil seperti di bawah ini:

(1) Hadits ke-86 yang dikemukakan oleh Tirmidzi di bawah tajuk bab ke-63 di atas. Ia diriwayatkan daripada 'Aaishah.

(2) Hadits Abi Rauq daripada Ibrahim at-Taimi daripada 'Aaishah. Lafaznya ialah:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْبَلُ بَعْدَ الْوُضُوءِ، ثُمَّ لَا يُعِيدُ الْوُضُوءَ أَوْ قَالَتْ يُصَلِّي

Bermaksud: Sesungguhnya Nabi s.a.w. selalu mengucup (mencium) setelah berwudhu', kemudian beliau tidak berwudhu' lagi atau kata 'Aaishah (kemudian) beliau s.a.w. bersembahyang. (Hadits riwayat 'Abdur Razzaaq di dalam al-Mushannaf dan ad-Daaraquthni di dalam Sunannya).

(3) Hadits 'Aaishah yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Lafaznya ialah:

عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَنَّهَا قَالَتْ كُنْتُ أَتَانُمُ بَيْنَ يَدَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَجُلَايَ فِي قِبْلَتِهِ فَإِذَا سَجَدَ غَمَزَنِي فَقَبَضْتُ رِجْلِي فَإِذَا قَامَ بَسَطْتُهَا قَالَتْ وَالْبُيُوتُ يَوْمَئِذٍ لَيْسَ فِيهَا مَضَابِيحٌ. وَفِي لَفْظٍ فَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَسْجُدَ غَمَزَ رِجْلِي فَضَمَمْتُهَا إِلَيَّ ثُمَّ سَجَدَ.

Bermaksud: Daripada 'Aaisyah isteri Nabi s.a.w. Sesungguhnya beliau menceritakan, katanya: "Aku tidur di hadapan Rasulullah s.a.w. dalam keadaan kakiku berada di sebelah Qiblatnya (melintang di tempat sujudnya). Baginda s.a.w. akan menyentuhku apabila hendak sujud. Maka aku melipatkan kedua belah kakiku. Apabila Baginda s.a.w. bangun, aku menghulurkan semula kakiku." 'Aaisyah berkata: "Rumah-rumah pada masa itu tidak ada lampu."

Menurut lafaz satu riwayat yang lain tersebut, "Apabila hendak sujud, Baginda akan menyentuh kakiku. Setelah aku melipat kakiku barulah Baginda bersujud."

(4) Hadits 'Aaishah yang diriwayatkan oleh an-Nasā'i lafaznya ialah:

قَالَتْ إِنْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَصْلِي وَإِنِّي لَمُعْتَزَّةٌ بَيْنَ يَدَيْهِ اعْتِرَاضَ الْجِنَارَةِ حَتَّى إِذَا أَرَادَ أَنْ يُوتِرَ مَسَّنِي بِرِجْلِهِ.

Bermaksud: Kata 'Aaishah, "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang dldm keadaan aku melintang di hadapannya seperti jenazah, sehingga apabila beliau hendak berwitir, beliau akan menyentuhku dengan kakinya."

(5) Hadits 'Aaishah juga yang diriwayatkan oleh Muslim, Tirmidzi dan lain-lain, bahawa beliau berkata:

فَقَدْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةً مِنَ الْفَرَّاشِ فَالْتَمَسْتُهُ فَوَضَعْتُ يَدِي عَلَى بَاطِنِ قَدَمَيْهِ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ وَهُمَا مَلْصُوبَتَانِ الْحَدِيثُ

Bermaksud: Pernah pada suatu malam aku kehilangan Rasulullah s.a.w. dari tilamnya. Aku mencari-cari Baginda (dengan meraba-raba), tiba-tiba tanganku terletak di atas perut kedua kakinya yang sedang terpacak kerana sedang bersujud.

Bantahan terhadap hujah-hujah di atas

Golongan yang berpendapat bersentuhan antara lelaki dan wanita membatalkan wudhu' pula mempunyai hujah tersendiri, dan mereka membantah hujah-hujah yang dipegang oleh golongan pertama yang dikemukakan di atas atau menta'wilkannya dengan bermacam-macam ta'wilan.

Bantahan mereka terhadap hujah (1).

Kata mereka hadits ke-86 yang dikemukakan oleh Tirmidzi di bawah tajuk bab ke-63 itu tidak sahih. Imam Tirmidzi sendiri mengatakan ia tidak sahih. Beliau bahkan mengemukakan pandangan Yahya bin Sa'īd al-Qatthān dan Imam Bukhari tentangnya. Kedua-dua mereka mendha'ifkannya. Alasannya ialah tidak tsabit Ḥabīb bin Abi Tsābit mendengar (hadits) daripada 'Urwah bin az-Zubair. Maka sanadnya dianggap munqathi' (terputus).

Abu Daud bahkan menukilkan daripada ats-Tsauri bahawa beliau berkata, "Ḥabīb tidak meriwayatkan kepada kami melainkan daripada 'Urwah al-Muzani. Maksudnya ialah Ḥabīb tidak meriwayatkan apa-apa kepada mereka daripada 'Urwah bin az-Zubair."

Az-Zaila'i sendiri menulis di dalam Nashbu ar-Rāyah bahawa 'Urwah dalam sanad riwayat ini tidak mendengar apa-apa daripada 'Aaishah. Kerana ini juga sanadnya terputus.

Jawapan kepada bantahan mereka terhadap hujah (1).

Punca kekeliruan dan perselisihan pendapat terletak pada perawi hadits ke-86 di atas yang bernama 'Urwah. Terutamanya apabila tersebut di dalam salah satu riwayat Abu Daud (180) dan lain-lain bahawa 'Urwah itu ialah 'Urwah al-Muzani. Memanglah hadits itu tidak sahih kalau 'Urwah al-Muzani yang meriwayatkannya. Kerana terbukti beliau tidak mendengar apa-apa daripada 'Aaishah. Tetapi kalau 'Urwah itu ialah 'Urwah bin az-Zubair, maka tiada siapa pun meragui tentang mendengar haditsnya daripada 'Aaishah.

Hadits Abu Daud (180) yang menyebut dengan jelas 'Urwah dalam riwayat itu sebagai 'Urwah al-Muzani dha'if, tidak boleh dijadikan hujah. Di dalam sanadnya ada 'Abdur Rahman bin Maghrā' yang meriwayatkan hadits itu daripada al-A'masy. Dia seorang perawi dha'if.

Di dalam riwayat Abu Daud yang dikemukakan sebelum itu (179), sama seperti riwayat Tirmidzi, 'Urwah disebutkan secara mutlaq.

Tetapi di dalam sanad riwayat Ahmad, Ibnu Majah dan ad-Daraquthni pula tersebut dengan jelas 'Urwah itu ialah 'Urwah bin az-Zubair. Lihat sebagai contohnya riwayat Ahmad di bawah ini:

٢٥٧٦ - حَدَّثَنَا وَكِيعٌ، حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ، عَنْ حَبِيبِ بْنِ أَبِي ثَابِتٍ، عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ، عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " قُبِّلَ بَعْضُ نِسَائِهِ، ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ، وَلَمْ يَتَوَضَّأْ " قَالَ عُرْوَةُ: قُلْتُ لَهَا: مَنْ هِيَ إِلَّا أَنْتِ؟ قَالَ: فَضْجَتْ

Jadi tidak ada apa-apa masalah pun di sini, kerana 'Urwah bin az-Zubair memang mendengar daripada Mak ciknya Saiyyidatina 'Aaishah. Kenapa pula dikatakan sanad hadits ini terputus di situ?

Soal tidak tsabit Ḥabīb bin Abi Tsābit mendengar (hadits) daripada 'Urwah bin az-Zubair pula ditolak oleh Abu Daud sendiri. Abu Daud berkata, "Ḥamzah az-Zayyāt telah meriwayatkan daripada Ḥabīb daripada 'Urwah bin az-Zubair daripada 'Aaishah satu hadits yang sahih."

Ini bererti riwayat Ḥabīb daripada 'Urwah bin az-Zubair memang ada dan tsabit.

Nukilan Abu Daud daripada ats-Tsauri bahawa beliau berkata, "Ḥabīb tidak meriwayatkan kepada kami melainkan daripada 'Urwah al-Muzani. Maksudnya ialah

Ḥabīb tidak meriwayatkan apa-apa kepada mereka daripada 'Urwah bin az-Zubair" pula tidak lebih daripada satu nukilan yang tidak boleh dipertanggung-jawabkan, kerana ia dinukil beliau dengan shighah tamrīdh semata-mata, dan ia menunjukkan kepada kedha'ifannya.

Da'waan bahawa sanad hadits itu terputus disebabkan Ḥabīb tidak mendengar apa-apa daripada 'Urwah bin az-Zubair ditolak oleh sekian ramai 'ulama'.

Abu 'Umar Ibnu 'Abdil Barr menulis di dalam al-Istidzkār (j.3 m/s 52) bahawa hadits ini dihukum sahih oleh para 'ulama' Kufah. Mereka mengatakan ia kuat kerana para imam hadits yang tsiqāt meriwayatkannya. Ḥabīb pula tidak boleh dinafikan pertemuannya dengan 'Urwah, disebabkan dia bahkan telah meriwayatkan hadits daripada orang-orang lain yang lebih tua daripada 'Urwah dan lebih dahulu meninggal dunia daripadanya. Dia pula seorang imam yang tsiqah, terbilang sebagai salah seorang 'ulama' besar.

Ibnu Saiyyidinnās mengomentari kata-kata Ibnu 'Abdil Barr itu dengan berkata, "Kata-kata Abu 'Umar ini bererti kemungkinan bertemu Ḥabīb dengan 'Urwah memang ada, dan ini sudah pun mencukupi untuk menghilangkan syubhah inqithā' (terputus sanad) dalam sanad hadits menurut kebanyakan 'ulama' hadits. Apalagi jika dilihat kepada apa yang disebutkan oleh Abu Daud selepas mengemukakan riwayat ke-180 bahawa, "Ḥamzah az-Zayyāt telah meriwayatkan daripada Ḥabīb daripada 'Urwah bin az-Zubair daripada 'Aaishah satu hadits yang sahih." Kenyataan ini menunjukkan ḥabīb memang ada bertemu dengan 'Urwah, dan tiada lagi syubhah terputus sanad hadits di situ."

Ḥabīb bin Abi Tsabit adalah seorang perawi tsiqah lagi hujjah. Beliau meninggal dunia pada tahun 119 Hijrah ketika berumur 73 tahun atau lebih lagi dari itu. Beliau sempat bertemu dengan ramai sahabat Rasulullah s.a.w. bahkan sempat mendengar sesuatu daripada mereka, seperti Ibnu 'Umar, Ibnu 'Abbaas, Anas dan lain-lain. Ibnu 'Umar meninggal pada tahun 74 Hijrah. Ibnu 'Abbaas pada tahun 68 Hijrah. Mereka berdua ini telah meninggal dunia lebih dahulu lagi daripada 'Urwah bin az-Zubair. 'Urwah meninggal dunia selepas tahun 90 Hijrah. Ḥabīb pula meninggal dunia pada tahun 119 Hijrah ketika berumur 73 tahun atau lebih lagi dari itu.

Sebenarnya bukan Ḥabīb seorang sahaja meriwayatkan hadits itu daripada 'Urwah. Hisyam, anak 'Urwah sendiri merupakan mutābi' bagi Ḥabīb dalam meriwayatkannya daripada 'Urwah. Lihat hadits Ḥisyam itu berdasarkan riwayat ad-Daraquthni di bawah ini:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ النِّسَابُورِيُّ نَا حَاجِبُ بْنُ سُلَيْمَانَ نَا وَكَيْعٌ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: «قَبَّلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْضَ نِسَائِهِ ثُمَّ صَلَّى وَلَمْ يَتَوَضَّأْ ثُمَّ ضَجَّكَتُ».

Bermaksud: Kata 'Aaishah, "Rasulullah s.a.w. pernah mencium (mengucup) salah seorang isterinya, kemudian bershalat tanpa berwudhu' (lagi)." Setelah menceritakannya beliau ('Aaishah) ketawa.

Sanad riwayat ad-Daraquthni ini kuat. Abu Bakar an-Naisaburi (nama sebenarnya ialah 'Abdullah bin Muhammad bin Ziad) seorang perawi hafiz, teguh dan dipercayai riwayatnya. Gurunya Ḥājib bin Sulaiman pula dikatakan tsiqah oleh an-Nasā'i. di

tempat lain an-Nasā'i berkata, "Tidak mengapa dengannya." Ibnu Hibbaan juga menyenaraikan Ḥājib sebagai salah seorang perawi tsiqāt.

Perawi-perawi sanad ad-Daraquthni yang di atas daripada Ḥājib memang tsiqāt, mereka adalah perawi-perawi Bukhari dan Muslim.

Wakī' juga mempunyai mutābi' yang turut meriwayatkan hadits yang lebih kurang sama mafhumnya daripada Hisyam. Abu Uwais, dia turut meriwayatkan hadits berkenaan daripada Hisyam. Lihat hadits ad-Daraquthni di bawah ini sebagai buktinya:

حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ نَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ الْوَرَّاقُ نَا عَاصِمُ بْنُ عَلِيٍّ نَا أَبُو أُوَيْسٍ حَدَّثَنِي هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا بَلَغَتْهَا قَوْلُ ابْنِ عُمرَ: فِي الْقُبْلَةِ الْوُضُوءُ فَقَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «يُقَبِّلُ وَهُوَ صَائِمٌ ثُمَّ لَا يَتَوَضَّأُ».

Bermaksud: Kata-kata Ibnu 'Umar bahawa perlu berwudhu' kerana mencium (mengucup isteri), sampai kepengetahuan 'Aaishah. Maka beliau ('Aaishah) berkata, "Rasulullah s.a.w. selalu mencium ketika Baginda sedang berpuasa, kemudian Baginda tidak berwudhu' (pula)."

Hadits ini sudah cukup baik sebagai riwayat mutāba'āt.

Bantahan mereka terhadap hujah (2).

Hujah ke-2 golongan yang mengatakan bersentuhan antara lelaki dan wanita tidak membatalkan wudhu' sama sekali dengan apa cara sekalipun dibantah oleh pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan mereka dengan dua alasan:

(i) Dengan sebab kedha'ifan Abu Rauq yang terdapat di dalam sanadnya. Kata mereka, dia seorang perawi dha'if menurut Yahya bin Ma'in dan lain-lain.

(ii) Ibrahim at-Taimi tidak mendengar apa-apa hadits daripada 'Aaishah. Riwayatnya daripada 'Aaishah semuanya secara mursal. Demikian kata para huffāzh, termasuk Bukhari, Tirmidzi, Abu Daud, Yahya bin Sa'id al-Qatthān dan lain-lain.

Kata al-Baihaqi, "Kami telah mengemukakan semua riwayat berhubung dengan perkara ini di dalam "al-Khilafiyāt" dan telah menyatakan tentang kedha'ifannya. Hadits yang sahih daripada 'Aaishah ialah tentang kucupan (ciuman) orang yang sedang berpuasa. Perawi-perawi dha'if pula meriwayatkannya untuk tidak perlu berwudhu' kerana kucupan (ciuman)."

Dua alasan yang dikemukakan di atas sebagai bantahan terhadap hujah ke-2 itu telah dibentangkan juga oleh Imam an-Nawawi di dalam Kitabnya al-Majmū' Syarh al-Muhaddzab j.1 m/s 33.

Jawapan kepada bantahan mereka terhadap hujah (2).

(i) Mendha'ifkan hujah ke-2 kerana di dalam sanadnya ada Abu Rauq ('Athiyyah bin al-Ḥārith) tidak tepat. Kerana sebenarnya tiada siapa pun mendha'ifkannya. Imam Ahmad berkata tentangnya, "Tidak mengapa dengannya." Ibnu Ma'in berkata, "Dia Shaleh." Abu Ḥātim berkata, "Shadūq." Ibnu 'Abdil Barr berkata, "Para 'ulama' Kufah berkata dia tsiqah. Tiada siapa pun mentajrīhkannya." Ibnu Hibbaan pula menyenaraikannya sebagai salah seorang perawi tsiqāt.

(ii) Alasan hadits itu mursal kerana ia diriwayatkan oleh Ibrahim at-Taimi secara mursal daripada 'Aaishah, sedangkan hadits mursal tidak boleh dijadikan hujah juga tidak

benar. Ini kerana hadits mursal perawi tsiqah juga hujah menurut ketiga-tiga imam mazhab fiqh terbesar umat Islam (Abu Hanifah, Malik dan Ahmad). Imam Syafi'e juga berhujah dengan hadits mursal jika ia disokong dengan hadits musnad, hadits mursal yang lain, kata-kata sahabat atau pendapat kebanyakan ahli ilmu.

(iii) Memang benar tidak tsabit Ibrahim at-Taimi mendengar secara langsung daripada 'Aaishah, tetapi berdasarkan satu riwayat ad-Daaraquthni, Ibrahim menerima hadits itu daripada ayahnya, dan ayahnya ialah yang menerimanya secara langsung daripada 'Aaishah. Perlu diingat, sanad Ibrahim at-Taimi daripada ayahnya adalah salah satu sanad utama Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Kalau begitu sanad hadits ini tidak lagi terputus, malah ia juga hadits maushul atau muttashil. Lihat sanadnya yang dikemukakan oleh ad-Daaraquthni dan apa kata beliau tentang sanad itu di dalam Sunannya:

وَقَدْ رَوَى هَذَا الْحَدِيثَ مُعَاوِيَةُ بْنُ هِشَامٍ عَنِ الثَّوْرِيِّ عَنْ أَبِي رَوْقٍ عَنْ إِبْرَاهِيمَ النَّيْمِيِّ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ فَوَصَّلَ إِسْنَادَهُ.

Bantahan mereka terhadap hujah (3), (4) dan (5).

Kata mereka, walaupun hujah (3), (4) dan (5) itu sahih, namun ia masih belum jelas dan masih ada lagi kemungkinan untuk dita'wilkan. Antara ta'wilan mereka terhadapnya ialah:

- (i) Persentuhan berlaku dengan berlapik
- (ii) Itu termasuk dalam khususiah Nabi s.a.w.

Jawapan kepada bantahan mereka terhadap hujah (3), (4) dan (5).

(i) Tidak ada satu pun dalil yang terang menunjukkan persentuhan berlaku dengan berlapik. Sebagai contohnya tidak tersebut di dalam mana-mana hadits ketika tangan 'Aaishah menyentuh perut (tapak) kaki Nabi s.a.w. yang sedang sujud dalam shalatnya itu, bahawa Baginda ketika itu memakai stoking. Atau Nabi s.a.w. terlebih dahulu meletakkan kain di atas seluruh tubuh 'Aaishah, kemudian baru Baginda menyentuhnya.

(ii) Jika menyentuh wanita atau bersentuhan kulit dengannya benar-benar membatalkan wudhu', dan kemungkinan tersentuh mana-mana bahagian anggota 'Aaishah yang terdedah tanpa ditutupi kain pula besar, kerana beliau sedang tidur dalam bilik yang gelap gelita tidak berlampu, maka tentu sekali Nabi s.a.w. akan berhati-hati dengannya. Sepatutnya Baginda tidak bersembahyang dekat 'Aaishah yang sedang tidur, atau 'Aaishah disuruhnya tidur di tempat lain, dan lain-lain langkah yang boleh menyelamatkan wudhu'nya daripada terbatal dengan sebab bersentuhan itu.

(iii) Menganggap termasuk dalam khususiah Nabi s.a.w. juga tidak terbatal wudhu'nya walaupun bersentuhan kulit dengan isterinya, langsung tidak bernilai, memandangkan khususiah tidak tsabit tanpa dalil yang terang.

Hujah-hujah golongan kedua:

Golongan kedua yang mengatakan bersentuhan antara lelaki dan wanita membatalkan wudhu' juga mempunyai hujah tersendiri. Di bawah ini dikemukakan beberapa hujah terpenting mereka:

(1) Al-Qur'an. Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُم مِّنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِنَّهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٦﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam perjalanan, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air' (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih, iaitu: sapulah mukamu dan kedua belah tanganmu dengan tanah - debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepadamu, supaya kamu bersyukur. (al-Mā'idah:6).

Perkataan لَمَسْتُمْ menurut mereka sama saja dengan لَمَسْتُمْ bererti menyentuh. Terutamanya apabila diambil kira qira'at Hamzah dan Kisā'i yang memang membacanya dengan لَمَسْتُمْ. Ia seharusnya dijadikan sebagai penjelas kepada qira'at لَمَسْتُمْ. Kalau begitu firman Allah ini menunjukkan menyentuh wanita juga termasuk dalam perkara yang membatalkan wudhu'.

(2) Di dalam Sunan Tirmidzi dan lain-lain tersebut satu riwayat yang menyatakan ada seorang lelaki telah mencium seorang wanita, lalu dia menyesali perbuatannya dan pergi menghadap Rasulullah untuk menebus kesalahannya itu. فامرّه أن يتوضأ ويصلي (maka Nabi s.a.w. menyuruhnya berwudhu' dan bershalat).

Kata mereka hadits ini menunjukkan mencium wanita membatalkan wudhu'.

(3) Beberapa hadits mauqūf daripada sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. Sebahagiannya dikemukakan oleh Imam Malik di dalam Muwattha'nya, dan sebahagian yang lain pula terdapat di dalam di dalam kitab-kitab seperti Mushannaf Ibnu Abi Syaibah, Mushannaf 'Abdur Razzaq dan lain-lain.

Bantahan terhadap hujah (1) mereka:

- (i) Lebih ramai qari membaca dengan لَمَسْتُمْ bukan لَمَسْتُمْ. Ma'na kedua-duanya tidak sama. لَمَسْتُمْ bererti menyentuh (dari satu pihak sahaja). لَمَسْتُمْ pula bererti bersentuh-sentuhan. Kerana ia adalah bina' musyarakah. Bersentuh-sentuhan memberi ma'na yang berbeza. Ia menunjukkan perbuatan menyentuh berlaku dari kedua belah pihak. Penggunaan perkataan ini merupakan kinayah (bahasa kiasan) kepada persetubuhan.
- (ii) Asy-Syaukāni di dalam Nailul Authār j.1 m/s 215 dan Amir Yamani di dalam Subul as-Salam menulis bahawa menurut Ibnu 'Abbaas - yang didoakan oleh Rasulullah secara khusus agar Allah mengurniakan kepadanya kefahaman yang mendalam tentang

وَأَمَّا تَرَكَ أَصْحَابُنَا حَدِيثَ عَائِشَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي هَذَا لِأَنَّهُ لَا يَصِحُّ عَنْدهُمْ لِخَالِ
الْإِسْنَادِ قَالَ وَ سَمِعْتُ أَبَا بَكْرٍ الْغَطَّارَ الْبَصْرِيَّ يَذْكُرُ عَنْ عَلِيِّ بْنِ الْمَدِينِيِّ قَالَ ضَعَّفَ يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ
الْقَطَّانُ هَذَا الْحَدِيثَ جَدًّا وَقَالَ هُوَ شِبْهُ لَا شَيْءٍ.

agama dan tafsir al-Qur'an-, perkataan لاسستم di dalam ayat tersebut bererti جامعتم (bersetubuh).

(iii) Jika dipakai qira'at لستم sekalipun, tetap juga ma'na kinayahnya (bersetubuh) boleh dipakai. Kerana itulah Ibnu 'Abbaas juga berdalil dengan firman Allah yang lain yang juga menunjukkan erti bersetubuh bukan bersentuhan kulit semata-mata. Lihat firman Allah berkenaan di bawah ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَةٍ تَعْتَدُونَهَا
فَتَمْتَعُوهُنَّ وَسَرَخُوهُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٤٩﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang idah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah "mut'ah" (pemberian sagu hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya. (al-Ahزاب:49).

Tiada khilaf di kalangan 'ulama' tentang perkataan menyentuhnya yang tersebut di dalam ayat ini bererti bersetubuh. Ini bererti perkataan itu terpakai dengan ma'na kinayahnya (bahasa kiasannya).

Perkataan لمس dan مس sama saja ma'na asalnya, iaitu menyentuh. Di dalam al-Qur'an dan hadits ia selalu juga dipakai dengan ma'na persetubuhan.

(iv) Jika لاسستم النساء dipakai dengan erti menyentuh wanita (isteri-isteri) dengan tangan, maka hukum tayammum untuk orang berjumub atau berhadats besar tidak akan tsabit lagi berdasarkan al-Qur'an. Kerana menyentuh dengan tangan juga merupakan hadats kecil. Berbeza keadaannya kalau anda menerima لاسستم النساء itu bererti kamu bersetubuh. Kerana ia memang merupakan hadats besar. Kalau begitu tsabitlah hukum tayammum untuk kedua-dua hadats kecil dan hadats besar di dalam al-Qur'an. Tafsiran ini lebih meluaskan lagi cakupan ma'na al-Qur'an, dan itulah yang selayaknya dengan al-Qur'an.

Firman Allah: جاء أَحَدٌ مِنْكُم مِّنَ الْغَائِطِ mengisyaratkan kepada hadats kecil. Firman Allah: لستم النساء pula mengisyaratkan kepada hadats besar.

At-Thabari di dalam Tafsirnya setelah menceritakan pendapat kedua-dua golongan yang tersebut di atas berkata, "Antara dua pendapat itu, yang betul ialah pendapat orang-orang yang berkata, maksud Allah dengan firmanNya أو لستم النساء itu ialah bersetubuh bukan menyentuh dan lain-lain, kerana sahlinya hadits yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. bahawa Baginda mencium salah seorang isterinya, kemudian bersembahyang tanpa berwudhu' (pula)."

Bantahan terhadap hujah (2) mereka:

Sahabat-sahabat kami⁷⁶¹ meninggalkan hadits 'Aishah daripada Nabi s.a.w. berhubung dengan perkara ini, kerana menurut mereka⁷⁶² ia tidak sahih dari sudut sanad. Abu 'Isa berkata: "Aku mendengar Abu Bakr al-'Aththār al-Bashri⁷⁶³ meriwayatkan daripada 'Ali bin al-Madini, katanya: "Yahya bin Sa'id al-Qaththan menganggap hadits ini terlalu dha'if, dan beliau berkata, "Ia macam tiada langsung."

قَالَ وَ سَمِعْتُ مُحَمَّدَ بْنَ إِسْمَاعِيلَ يُضَعِّفُ هَذَا الْحَدِيثَ وَقَالَ حَبِيبُ بْنُ أَبِي ثَابِتٍ لَمْ يَسْمَعْ مِنْ عُرْوَةَ وَقَدْ رَوَى عَنْ إِبْرَاهِيمَ التَّيْمِيِّ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبَّلَهَا وَلَمْ يَتَوَضَّأْ وَهَذَا لَا يَصِحُّ أَيْضًا وَلَا نَعْرِفُ لِإِبْرَاهِيمَ التَّيْمِيِّ سَمَاعًا مِنْ عَائِشَةَ وَلَيْسَ يَصِحُّ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي هَذَا
الْبَابِ شَيْءٌ

Beliau (Tirmidzi) juga berkata: "Aku mendengar Muhammad bin Isma'il (al-Bukhari) melemahkan hadits ini, katanya, Habib bin Abi Tsabit tidak pernah mendengar daripada Urwah."⁷⁶⁴ Ada diriwayatkan daripada Ibrahim at-Taimi⁷⁶⁵

⁷⁶¹ Maksud Tirmidzi dengan katanya "sahabat-sahabat kami" ialah para muhadditsin. Di dalam muqaddimah sebelum ini, penulis telah pun menjelaskan bahawa Imam Tirmidzi dan semua pengarang enam kitab utama hadits tidak bertaqlid kepada mana-mana imam empat mazhab yang popular di kalangan umat Islam, bahkan tidak bertaqlid juga kepada mana-mana imam mujtahid yang lain selain mereka. Mazhab mereka ialah mazhab Ahlul hadiths, iaitu orang-orang yang mengikut mana-mana yang sahih daripada hadits Nabi s.a.w., sama ada bersesuaian dengan pendapat imam-imam mazhab yang popular atau pun tidak.

⁷⁶² Maksudnya ialah sebahagian daripada mereka, bukan semua mereka. Kerana ramai juga di kalangan tokoh-tokoh hadits mempercayai hadits 'Aishah itu sebagai hadits sahih.

⁷⁶³ Iaitu Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim al-Ubulli. Beliau adalah seorang perawi shadūq. Riwayat haditsnya tidak ada satu pun diambil oleh Tirmidzi untuk Kitab Sunannya ini. Meninggal dunia pada 278 Hijrah.

⁷⁶⁴ Kesimpulan daripada apa yang disebut oleh Imam Tirmidzi ini ialah beliau berpendapat hadits 'Aishah yang dikemukakannya di bawah bab ini dha'if. Beliau lebih bersetuju dengan pandangan Yahya bin Sa'id al-Qatthān dan Imam Bukhari dalam bab ini. Alasan mereka ialah tidak tsabit Habib bin Abi tsabit mendengar apa-apa daripada 'Urwah. Perbincangan secara terperinci telah pun penulis kemukakan sebelum ini. rujuklah sekali lagi perbincangan itu.

⁷⁶⁵ Beliau ialah Ibrahim bin Yazid bin Syarik at-Taimi, Abu Asmā' al-Kufi. Salah seorang perawi tsiqah dari thabaqah ke-3 yang kuat beribadat, tetapi beliau selalu

daripada 'Aaishah, sesungguhnya Nabi s.a.w. tll menciumnya dan baginda tidak berwudhu' (lagi).⁷⁶⁶ Namun hadits ini juga tidak sahih. Kami tidak mengetahui Ibrahim at-Taimi pernah mendengar daripada 'Aaishah. Tidak ada satu pun hadits yang shahih daripada Nabi s.a.w. dalam bab ini.⁷⁶⁷

meriwayatkan secara mursal dan sering juga melakukan tadlis. Haditsnya daripada 'Aaishah, Hafshah dan ramai lagi sahabat yang lain adalah mursal. Ibrahim at-Taimi adalah perawi hampir semua kitab hadits. Hadits di dalam Sunan Tirmidzi ini hanya enam sahaja. Beliau meninggal dunia pada tahun 92 Hijrah.

⁷⁶⁶ Hadits Ibrahim at-Taimi yang dikemukakan secara ta'liq oleh Tirmidzi di sini dibentangkan oleh Abu Daud di dalam Sunannya secara maushul. Lihat hadits berkenaan di bawah ini:

١٧٨ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، حَدَّثَنَا يَحْيَى، وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ، قَالَا: حَدَّثَنَا سَفْيَانٌ، عَنْ أَبِي رَوْقٍ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ التَّيْمِيِّ، عَنْ عَائِشَةَ، «أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَتَلَهَا وَلَمْ يَتَوَضَّأْ».

Bermaksud: Daripada 'Aaishah, "Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah menciumnya dan Baginda tidak berwudhu' (lagi).

⁷⁶⁷ Demikianlah pandangan Imam Tirmidzi berhubung dengan perkara ini, walaupun begitu beliau mengemukakan juga hadits ke-86 sebagai mera'ikan pendapat 'ulama'-ulama' hadits dan fiqh lain yang menganggapnya sahih atau hasan. Imam Tirmidzi juga mahu menyatakan satu lagi qaedah penting yang diterima pakai oleh para 'ulama', iaitu hadits dha'if yang meningkat naik kedudukannya kepada taraf sahih atau hasan li ghairih kerana syawaahid dan riwayat-riwayat mutaba'atnya yang banyak boleh juga dijadikan hujah.